

# Ketagih ketum masalah besar pelajar di utara

Kosmo  
8/8/15  
mls 6

**SINTOK** - Masalah penyalahgunaan daun ketum dalam kalangan pelajar sekolah terutama di negeri sebelah utara semakin menular, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid (**gambar kecil**).



Beliau berkata, masalah tersebut turut mengakibatkan kejadian keciciran dan ponteng sekolah.

"Kita kena buat pemantauan dan saya nak kena tengok jumlahnya. Berapa ramai pelajar yang tidak datang sekolah dan di daerah mana.

"Saya sedar ia merupakan masalah yang agak besar di negeri di sebelah utara terutama Kedah dan Perlis," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Pergerakan Puteri UMNO

Bahagian Kubang Pasu di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Pendidikan mahu memperkasa semangat muhibah dan perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah sejak tahap awal melalui program inte-

grasi antara sekolah jenis kebangsaan.

Ini akan dilakukan melalui kewujudan program integrasi yang menekankan nilai kebersamaan seperti dalam sukan, kem kepimpinan dan aktiviti kebudayaan, katanya. - Bernama

AIR daun ketum yang sudah siap diproses mendapat permintaan daripada orang ramai yang mengalami ketagihan. - Gambar hiasan

